

## **BAYAR UNTUK UNIFI DENGAN FPX (“PROMOSI”)**

### **TERMA DAN SYARAT PROMOSI**

#### **PENGANJUR**

1. Promosi ini dianjurkan oleh **PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN. BHD. (No. Pendaftaran Syarikat.:836743-D) (“PayNet”)** dan **TELEKOM MALAYSIA BERHAD (No. Pendaftaran Syarikat.: 128740-P) (“TM”)** (secara kolektif dirujuk sebagai "Penganjur").
2. Dengan menyertai Promosi, peserta telah pun membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan syarat Promosi ini, Notis Perlindungan & Privasi Data seperti yang terperinci di bawah, dan semua pindaan, penambahan, penggantian, pemansuhan dan pengubahsuaian ("Terma dan Syarat") sebagaimana yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Penganjur dan mereka terikat untuk mematuhi keputusan Penganjur.
3. Penganjur menganjurkan program cabutan secara rawak untuk tujuan Promosi tersebut:  
Cabutan secara rawak terbuka kepada pelanggan TM yang membuat pembayaran bil dalam talian melalui unifi.com.my dan Care@Unifi aplikasi mudah alih ("Platform TM") menggunakan kaedah pembayaran FPX mulai **1 Oktober 2018 sehingga 31 Disember 2018** ("Tempoh Promosi").

#### **KELAYAKAN PENYERTAAN**

4. Promosi ini terbuka kepada pelanggan yang berdaftar bersama TM dan membuat pembayaran bil dalam talian melalui Platform TM menggunakan kaedah pembayaran FPX semasa Tempoh Promosi ("Peserta") kecuali:
  - a. Kakitangan tetap dan/atau sementara PayNet dan semua anak syarikat dan ahli keluarga terdekatnya.
5. Peserta dikehendaki untuk membuat pembayaran bil dalam talian yang berstatus "Berjaya" melalui Platform TM menggunakan kaedah pembayaran FPX semasa Tempoh Promosi ("Transaksi FPX"). Tiada jumlah minimum Transaksi FPX untuk setiap pembayaran yang dibuat dan tiada had kepada bilangan penyertaan yang layak dikemukakan oleh Peserta semasa Tempoh Promosi. Pelanggan tidak dibenarkan untuk melakukan "split bill payment" (pembayaran bil secara berasingan untuk bil yang sama). Hanya pembayaran bil penuh yang diterima dan layak untuk tujuan penyertaan Promosi.
6. Peserta juga mesti mempunyai akaun perbankan Internet aktif dengan mana-mana bank yang menyertai FPX semasa Tempoh Promosi sehingga tempoh penebusan Hadiah Promosi. Peserta hendaklah mematuhi syarat Kelayakan Penyertaan untuk menjadi "Peserta Layak".

#### **KRITERIA KELAYAKAN**

7. Peserta Layak yang melaksanakan Transaksi FPX dan mematuhi Kelayakan Penyertaan dan Kriteria Kelayakan yang ditetapkan seperti di dalam Terma dan Syarat dan akan dikira sebagai satu (1) penyertaan ("Penyertaan yang Layak"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi tidak akan dikira dan akan dibatalkan.

## HADIAH

8. Hadiah untuk Promosi adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	3 x Samsung Tab 3V	3
Hadiah Bulanan	9 x RM 100 AEON baucar	<b>Bulan Pertama (1 -31 Oktober 2018)</b> = RM100 Baucar x 3 pemenang. <b>Bulan Kedua (1 – 30 November 2018)</b> = RM100 Baucar x 3 pemenang. <b>Bulan Ketiga (1 – 31 Disember 2018)</b> = RM100 Baucar x 3 pemenang.
Hadiah Sagu Hati	9000 x RM 10 jumlah bil rebat *tertakluk kepada 3000 pemenang sahaja untuk setiap bulan	<b>Bulan Pertama (1 – 31 oktober 2018)</b> = RM10 rebat bil x 3000 pemenang. <b>Bulan Kedua (1 – 30 November 2018)</b> = RM10 rebat bil x 3000 pemenang. <b>Bulan Ketiga (1 – 31 Disember 2018)</b> = RM10 rebat bil x 3000 pemenang.

9. Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat di sini, tiada penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah yang diminta oleh pemenang akan dibenarkan.
10. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal Hadiah tersebut. Sehingga setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur, pekerja, pengarah dan ejennya tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti daripada penangguhan, penggantungan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak dijangka yang di luar kawalan Pihak Penganjur yang munasabah dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau pihak ketiga. Pemenang tidak dibenarkan menukar Hadiah kepada wang tunai.
11. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar atau menggantikan Hadiah yang ditawarkan dalam Promosi ini dengan hadiah yang sama harga dengan hadiah/barangan lain tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

## PROSES PENEBUSAN HADIAH

12. TM akan membuat cabutan secara rawak (melalui program komputer) dari jumlah Penyertaan yang Layak untuk memilih pemenang ("Pemenang Yang Disenarai Pendek").

13. Pemenang Yang Disenarai Pendek akan dihubungi oleh pihak Penganjur untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan Promosi. Bagi Hadiah Bulanan dan Saguhati, Pemenang Yang Disenarai Pendek akan dihubungi pada setiap akhir bulan manakala bagi Hadiah Utama, Pemenang Yang Disenarai Pendek akan dihubungi pada akhir Tempoh Promosi.
14. Pemenang Yang Disenarai Pendek yang dapat menjawab soalan dengan betul akan diisytiharkan sebagai pemenang dan memenangi Hadiah ("Pemenang").
15. Sekiranya Pemenang Yang Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi atau tidak menjawab soalan dengan betul, Hadiah akan diperuntukkan kepada Pemenang Yang Disenarai Pendek berikutnya mengikut Terma dan Syarat Promosi. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
16. Setiap Pemenang boleh memenangi lebih daripada satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi.
17. Pemenang akan dimaklumkan oleh Penganjur melalui telefon atau e-mel. Bagi Pemenang hadiah bulanan dan saguhati, pihak penganjur akan memaklumkan pada setiap akhir bulan manakala pemenang bagi Hadiah Utama akan dimaklumkan pada akhir Tempoh Promosi. Penganjur akan menerbitkan senarai nama Pemenang di laman web mereka di <http://www.unifi.com.my> setelah pengisytiharan/pengumuman Pemenang.
18. Sebarang perbelanjaan, caj dan kos sampingan berkaitan dengan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang.
19. Pemenang dikehendaki menuntut Hadiah yang dimenangi dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pemberitahuan oleh pihak Penganjur. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan dilucuthakkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan.
20. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan dilucuthakkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Tiada gantirugi akan diberikan untuk mana-mana Hadiah yang tidak dituntut.

#### **TERMA DAN SYARAT AM**

21. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, memansuh atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini dan/atau mengubah, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Promosi pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Tiada pampasan dalam bentuk tunai atau apa-apa jenis akan diberikan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Peserta yang Layak disebabkan perkara di atas.
22. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Penganjur tidak memberi jaminan atau perwakilan apa jua, samada nyata, tersirat atau berkanun, berkaitan dengan Promosi, Hadiah termasuk, tetapi tidak terhad, menepati kualiti dagangan untuk maksud berkenaan dengan Hadiah.
23. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk yang dialami oleh mana-mana Peserta yang Layak, yang berlaku secara langsung atau tidak langsung dari Promosi ini.

24. Dengan Mengambil bahagian dalam Promosi, Peserta yang Layak memberikan persetujuan mereka dan memberi kuasa kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menggunakan, memproses nama mereka, 'masked 'Nombor Pengenalan (IC) dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta yang Layak atau Pemenang di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
25. Semua keputusan yang dibuat berkaitan dengan Promosi adalah muktamad.
26. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Terma dan Syarat Promosi yang terkandung dalam laman web Penganjur <http://paynet.my> and <http://www.unifi.com.my> akan mengatasi sebarang terma dan syarat yang tidak konsisten yang terkandung dalam bahan Promosi atau pengiklanan lain untuk Promosi ini.
27. Terma dan Syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
28. Terma dan Syarat Promosi adalah tertakluk pada undang-undang Malaysia.

[TAMAT]